

## Bantuan kewangan kepada IKS

Oleh: Nur Atikah Binti A Rahman, 1180247

PASIR PUTEH: Bantuan sebanyak RM50,000 telah diperuntukkan kepada golongan peniaga kecil dan usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) bertempat di Dewan Tok Guru, Pusat Khidmat Dun Limbongan pada 29 November, lalu.



YB Ustaz Nazlan (kiri) menyampaikan bantuan kepada penerima yang telah terpilih

ADUN Limbongan, Ustaz Mohd Nazlan Mohamed Hasbullah berkata, tujuan bantuan ini diberikan adalah untuk membantu usahawan- usahawan yang terjejas akibat Covid-19 yang melanda negara sejak bulan Mac yang lalu.

"Selain itu, ianya juga bertujuan untuk membantu usahawan-usahawan yang sedia ada di Limbongan," katanya pada majlis penyampaian bantuan di sini.

Walaupun, jumlah yang telah diperuntukkan untuk bantuan itu adalah sebanyak RM50,000 tetapi, jumlah ini akan terus bertambah sekiranya masih ada usahawan yang memerlukan.

Jika keadaan ini berlaku, maka bantuan secara One-off akan diberikan kepada mereka iaitu sebanyak RM500 seorang sebagai sokongan terhadap perniagaan yang dijalankan. Sebagai contoh, perniagaan putu halba, goreng pisang atau burger.

Bagi pusingan yang pertama, jumlah penerima bantuan adalah seramai 60 orang. Kesemuanya menerima bantuan dengan jumlah yang berbeza.

Ini kerana, bantuan ini diagihkan berdasarkan jenis perniagaan yg dijalankan oleh mereka. Contohnya, ade dikalangan mereka mendapat sebanyak RM1,000 manakala yang lain antara RM700, RM500 dan RM300.

Bantuan itu tidak diberikan kepada sesetengah pihak sahaja, kerana ianya bersifat terbuka. Namun, ianya lebih tertumpu kepada usahawan-usahawan yang memerlukan bantuan. Contohnya, usahawan yang mempunyai masalah kekurangan modal perniagaan.